

Penerbit terkenal mahu bekerjasama dengan UMS

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Metrowealth International Group (MIG) berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam penerbitan filem.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mejar (K) David Teo berkata pihaknya telah memasang niat sejak tahun 2003 yang lalu ketika julung kalinya mengunjungi UMS.

"Bagaimanapun pada ketika itu, kita cuma cakap sahaja kerana pada ketika itu penubuhan Sekolah Pengajian Seni (SPS) masih baharu dan pada kali ini kita akan cuba merealisasikannya.

"Kini kita lihat UMS semakin matang, ramai pelajar yang mendaftar dalam bidang seni dan ini memudahkan kita untuk melatih mereka dalam industri seni," katanya pada sidang media selepas program bicara seni industri seni bersama David Teo, di sini, pada Sabtu.

Beliau yang juga penerbit terkenal dinegara ini berkata matlamat MIG mengadakan kerjasama dengan pihak universiti terbabit adalah untuk melibatkan anak tempatan dalam industri seni bagi tujuan pembangunan modal insan di Sabah.

Katanya, selain penerbitan anak-anak tempatan juga diberi peluang untuk bergiat dalam seni lakonan dan tenaga kerja di MIG.

Tambahnya, cadangan kerjasama itu mampu direalisasikan pada akhir tahun ini sekiranya kertas



DAVID

kerja berjaya disiapkan.

"Pihak kita telah menerbitkan lebih 20 filem dalam tempoh setahun dan setiap bulan juga membuat filem... oleh itu pihak kita telah bersedia dan saya boleh membuat keputusan pada bila-bila masa dengan secepat mungkin."

"Cadangan ini akan direalisasikan berdasarkan kertas kerja, dan sekiranya urusan dipercepatkan kita

boleh memulakannya pada akhir tahun ini," katanya.

Dalam pada itu, MIG adalah peneraju utama filem di Malaysia sejak tahun 2003 dan mensasarkan sebanyak 200 filem untuk diterbitkan menjelang tahun 2020.

Bermula dengan episod suram apabila filem pertama terbitan MIG, Syukur 21 pada tahun 2000 gagal mendapat sambutan, David tidak patah semangat untuk terus bergiat dalam dunia penerbitan.

Kini MIG telah berjaya menghasilkan hampir 100 filem yang kebanyakannya mencipta kejayaan seperti 'Jangan Pandang Belakang, Rempit' dan juga 'Cinta Kolesterol'.

Turut hadir, Timbalan Dekan SPS, Dr Zairul Anuar Md Dawam dan tetamu kehormat yang lain.



ZAIRUL (tengah) menyampaikan cendera kenangan kepada David.